NIOSH Malaysia Newsletter... bringing you the OSH updates

# FYi

NIOSH
National Institute Of Occupational Safety And Health

No Permit:PP13200/12/2013(032007)
November 2017:ISSN 1675-5464

*Your OSH preferred partners*

# KERACUNAN MAKHLUK PEROSAK KETIKA BEKERJA



# KERACUNAN MAKHLUK PEROSAK KETIKA BEKERJA



## PENGENALAN

Racun makhluk perosak adalah bahan yang digunakan untuk memusnah dan mengawal serangga atau tumbuhan perosak. Contoh racun makhluk perosak ialah racun parakuat, organofosfat, organoklorin, glifosat dan karbamat. Racun makhluk perosak berguna untuk mengawal makhluk perosak dan meningkatkan penghasilan pertanian tetapi ia juga berbahaya kepada manusia.

**Bagaimana keracunan boleh berlaku?**

Seseorang boleh terdedah kepada keracunan racun makhluk perosak melalui 3 cara:

1. Tertelan makanan atau minuman yang dicemari racun makhluk perosak.
2. Sentuhan kulit dengan racun makhluk perosak.
3. Terhidu racun makhluk perosak.

## PEKERJA YANG BERISIKO

**Siapakah pekerja yang berisiko?**
Contoh pekerja yang berisiko adalah

- Peladang/petani
- Pekerja ladang/estet
- Pekerja kilang racun makhluk perosak.

**Gejala**
Pendedahan kepada racun makhluk perosak boleh menyebabkan kecederaan kepada badan, antaranya seperti berikut:

- Kesan serta-merta seperti sakit kepala, loya, berpeluh, kulit merengsa dan kematian.
- Kesan jangka masa panjang seperti tangan mengeletar, kelupaan, kurang daya ingatan, kurang daya tumpuan, kekuningan mata serta keletihan.

**Komplikasi**
Apakah yang paling teruk boleh terjadi akibat keracunan ini?

- Kerosakan kekal fungsi ginjal (buah pinggang), hati, paru-paru dan saraf serta kemandulan.
- Kematian.

**Rawatan**
Rawatan kecemasan perlu diberi serta merta untuk menyelamatkan nyawa mangsa.

- Bawa mangsa terlibat ke tempat yang selamat yang mempunyai pengudaraan yang baik seperti kawasan lapang
- Tanggalkan pakaian yang tercemar
- Jangan cuba memaksa pesakit untuk muntah
- Bersihkan bahagian tubuh atau anggota yang tercemar dengan racun makhluk perosak menggunakan air yang banyak selama 15-20 minit.
- Hantarkan mangsa terlibat ke hospital dengan segera.
- Jangan lupa, bawa bekas racun yang terlibat ke hospital bersama pesakit.

## PENCEGAHAN KERACUNAN RACUN MAKHLUK PEROSAK

**Bagaimanakah saya boleh mencegah kejadian keracunan racun makhluk perosak?**

- Pastikan anda tahu jenis racun makhluk perosak yang digunakan
- Patuhi setiap arahan pengendalian racun makhluk perosak yang dibekalkan oleh pengeluar setiap masa
- Amalkan teknik pengendalian yang selamat
- Labelkan bekas racun makhluk perosak dengan betul
- Simpan racun makhluk perosak di tempat yang berkunci dan berasingan dari barang-barang lain.
- Jangan pindahkan racun makhluk perosak ke dalam bekas lain; gunakan bekas yang asal sahaja.
- Jangan gunakan semula bekas racun makhluk perosak yang telah kosong.
- Lupuskan semua bekas racun makhluk perosak yang kosong dengan menanam dalam tanah yang sesuai atau hantar kepada pihak tertentu yang dilantik.
- Gunakan alat pelindung diri yang sesuai dengan cara yang betul.

**Apakah amalan pengendalian yang selamat?**

- Memakai pakaian dan peralatan pelindung diri yang sesuai.
- Sentiasa menggunakan sarung tangan semasa membancuh racun makhluk perosak.
- Jangan makan, minum atau merokok semasa mengendalikan racun.
- Semburan racun makhluk perosak mestilah menurut arah angin.
- Basuh bahagian badan yang terdedah SEGERA dan mandi selepas setiap kali mengendalikan racun

**Apakah pakaian yang sesuai dan selamat semasa mengendalikan racun makhluk perosak?**

- Baju berlengan panjang dan seluar panjang.
- Topi
- Apron plastik
- Kasut/but keselamatan
- Sarung tangan getah
- Topeng muka
- Kacamata pelindung mata
- Respirator

**Notifikasi**
Mengikut Peraturan 2004, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Notifikasi Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan dan Penyakit Pekerjaan), adalah menjadi tanggung jawab:

- Majikan
- Pengamal perubatan yang merawat
- Untuk notifikasi penyakit pekerjaan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.



*Sumber Maklumat: http://www.myhealth.gov.my/keracunan-makhluk-perosak-ketika-bekerja/*



## MAKLUMAN PELANTIKAN PENGARAH EKSEKUTIF NIOSH YANG BARU

Sukacita dimaklumkan bahawa **En Ayop bin Salleh** telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif NIOSH yang baru berkuatkuasa pada 3 November 2017. Seluruh warga kerja NIOSH mengucapkan tahniah dan syabas kepada beliau. Semoga pelantikan ini, NIOSH akan terus memberi perkhidmatan yang terbaik kepada majikan, pekerja dan industri di dalam meningkkatkan aspek KKP di tempat kerja.

## MAJLIS LAMBAIAN KASIH, SANJUNGAN BUDI TUAN PENGARAH EKSEKUTIF NIOSH

**Tanggal 2 November 2017**, satu majlis khas telah diadakan bagi meraikan persaraan wajib Pengarah Eksekutif NIOSH, Tuan Haji Zahrim bin Osman. Majlis Lambaian Kasih, Sanjungan Budi bagi mengenang jasa dan sumbangan Tuan Pengarah Eksekutif di dalam perkhidmatannya kepada NIOSH. Bertempat Dewan Sri Cempaka, Aras 2, Menara NIOSH. Majlis bermula jam 2.00 petang hingga 5.00 petang dan dihadiri oleh pihak pengurusan dan warga kerja NIOSH.

Tuan Haji Zahrim bin Osman telah berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif di NIOSH selama 2 tahun bermula 2016 sehingga 2017. Di dalam ucapan akhir beliau pada majlis pada petang itu, beliau mengucapkan jutaan terima kasih terutamanya kepada Setiausaha Eksekutif, Pengurus-Pengurus Besar, Pengurus-Pengurus Kanan, Pengurus-Pengurus Bahagian dan Cawangan serta seluruh warga kerja NIOSH di atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan dalam melaksanakan tugas-tugas yang telah diamanahkan kepada beliau sepanjang berkhidmat di NIOSH. Dalam ucapan akhir beliau berharap NIOSH akan terus maju dan dapat memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan-pelanggan NIOSH dalam menjayakan visi dan misi NIOSH.



## BORNEO CONFERENCE AND EXHIBITION ON OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH – BOSH 2017



**Pada 13-14 November 2017**, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) telah menganjurkan Persidangan dan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Borneo kali Ke-5 (NIOSH 5th Borneo Conference and Exhibition on Occupational Safety and Health – BOSH 2017) bertempat di Hilton Kota Kinabalu, Kota Kinabalu, Sabah. Majlis Perasmian Persidangan & Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Borneo Kali Ke-5 (BOSH 2017) telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Menteri Pembangunan Perindustrian, Datuk Seri Raymond Tan Shu Kiah.

Persidangan dan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Borneo (BOSH 2017) dapat membantu peserta berkongsi maklumat dan pendapat untuk memperkukuhkan aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP). Program yang dianjurkan ini mampu meningkatkan daya saing peserta dalam persekitaran ekonomi yang lebih mencabar. Program dua hari itu juga akan membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kira-kira 500 peserta mengenai aspek KKP supaya mereka boleh mengamalkannya di tempat kerja.

Tema BOSH 2017 pada kali ini ialah "Meningkatkan KKP untuk Daya Saing Perniagaan", dipilih kerana ia bersesuaian dengan ekonomi semasa yang begitu mencabar tetapi tetap berkembang pesat. Sejumlah 14 kertas kerja telah dibentangkan pada persidangan itu, penceramah yang terdiri dari jabatan kerajaan dan sektor swasta, antara lain mengupas tajuk berkaitan KKP termasuk sistem pengurusan, pelan induk dan perlindungan keselamatan sosial.

Acara tahunan ini bukan sahaja memberi perhatian kepada Sabah dan Sarawak tetapi juga Penganjuran persidangan ini selari dengan objektif NIOSH untuk memupuk budaya pencegahan kemalangan oleh semua pihak, terutama dalam kalangan majikan dan pekerja. Usaha ini akan mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja di Sabah dan Sarawak khususnya. Pertama kali dianjurkan pada tahun 2009, BOSH kini menjadi sebutan banyak pihak di Kawasan Pertubuhan Asean Timur-Brunei, Indonesia, Malaysia & Filipina atau BIMP-EAGA.

## SEMINAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI SEKOLAH

**Nibong Tebal: Pada 6 November 2017**, Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah diadakan di Pulau Pinang yang dirasmikan oleh Tan Sri Lee Lam Thye. Perasmian KKP di sekolah ini diadakan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Pai Teik. Seminar ini dihadiri seramai 278 guru melibatkan 400 sekolah di seluruh Pulau Pinang mengikuti seminar ini yang bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah.

Pelajar perlu didedahkan kepada budaya keselamatan dan kesihatan yang baik pada usia muda kerana ia dapat membantu mereka menjadi mata dan telinga masyarakat di masa depan. Penglibatan pelajar sebagai mata dan telinga bagi pihak pengurusan sekolah apabila melaksanakan amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang baik, termasuk mengguna pakai konsep pengenalpastian bahaya, penilaian risiko dan kawalan risiko (HIRARC).

Jika sistem KKP yang baik dipupuk dalam kalangan pelajar, mereka akan pasti memaklumkan kepada guru dengan segera jika melihat sesuatu yang boleh menimbulkan bahaya kepada mereka dan orang lain seperti wayar elektrik yang terdedah, tiang gol berkarat atau kebocoran bahan kimia. Ia juga akan mempersiapkan mereka untuk alam pekerjaan di mana mereka yang mempunyai pengetahuan KKP dapat membantu meningkatkan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja masing-masing. Sekolah yang selamat tidak bermakna ia hanya bebas daripada masalah disiplin dan jenayah seperti buli, gengsterisme dan penyalahgunaan dadah tetapi semua kemudahan perlu dipastikan selamat.

Program KKP di Sekolah sebenarnya merupakan konsep yang lebih komprehensif kerana ia menganggap sekolah sebagai tempat kerja dan tertakluk kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994)






# SEMINAR KORPORAT UNTUK KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ANJURAN NIOSH MALAYSIA

**28 November 2017** – Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), sebuah syarikat di bawah Kementerian Sumber Manusia menganjurkan Seminar Korporat bertajuk Managing OSH Through Corporate Social Responsibility (CSR) kepada Ketua Pegawai Eksekutif di kalangan agensi Perkhidmatan Awam dan Swasta. Seminar ini bertujuan untuk menggalakkan majikan yang berperanan dalam pengurusan KKP yang lebih efektif kepada para pekerja. Selain itu memberi kesedaran kepada setiap majikan dalam mempertingkatkan kemahiran pekerja melalui program latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan seterusnya dapat mengurangkan penyakit pekerjaan serta kemalangan di tempat kerja.

Objektif penganjuran seminar satu (1) hari ini dengan kerjasama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) adalah untuk memberi kesedaran tentang tanggungjawab majikan dalam mempertingkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Selain itu, seminar ini diharapkan dapat membantu para majikan melaksanakan program keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Seminar yang dijalankan ini terdiri daripada para majikan sebagai tunggak utama dalam sesebuah syarikat yang berperanan dalam memberi kesedaran kepada para pekerja di bawahnya.

NIOSH sentiasa berusaha untuk menerapkan budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk diamalkan oleh semua pekerja dan para majikan harus memainkan peranan yang paling utama. Seminar kali ini diadakan di Putrajaya International Convention Centre (PICC) Seminar Korporat ini terdiri daripada para pentadbir sesebuah organisasi berkongsi pengalaman dan memberi lebih pemahaman dan pendedahan kepada industri dan organisasi.



# MESYUARAT ASIAN OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH RESEARCH INSTITUTE (AOSHRI),

## 7 SEPTEMBER 2017, WORKPLACE SAFETY AND HEALTH INSTITUTE (WSHI), SINGAPURA *(AOSHRI Meeting, 7 September 2017, WSHI, Singapore)*



**On 7th September 2017,** NIOSH delegates attended the AOSHRI progess meeting that organised by WSHI at WSH Council meeting room, Singapore. In total, there were about 23 delegates from 9 countries including ASEAN OSHNET representative to materialise and strengthen the memorandum of understanding (MoU) between AOSHRI and ASEAN OSHNET (Government related networking).

The meeting also discussed on AOSHRI Collaborative Research Projects - Multi-Centre Study for 3 focus areas:

1. Construction Sector was lead by National Institute of Occupational Safety and Health, Japan. Malaysia's representative was Mr. Mohd Kashfullah, Occupational Safety Division, CRD, NIOSH;
2. Psychosocial Health was lead by Workplace Safety and Health Institute, Singapore. Malaysia's representatives were Madam Siti Zainatul Arafah and Madam Siti Nasyrah, Occupational Safety and Health Management Division, NIOSH; and
3. Under-reporting, Informal Sector/ Small and Medium Enterprises lead by National Institute of Occupational Safety and Health, Sri Lanka. Malaysia's representative was Hj Mohd Esa, CRD, NIOSH.

Malaysia was committed to involve in those 3 projects by providing the relevant statistics, giving view and opinion and sharing the relevant research findings to be put in the suggested research projects. The projects were planned for 1 year and those report will be presented at the next AOSHRI meeting 2018.

Group discussion was also conducted on the study objectives, methodology, develop draft and seek input/ participation from AOSHRI members, discussion on project plan and timeline, identification of responsible person for key activities such as conduct literature search, develop questionnaire/ tool, collection of data, analysis of data, sharing of findings, report writing and publication.

Delegates also was provided with sharing session on heat stress issue by Associate Proffesor Jason Lee Kai Wei, Head, Human Performance Laboratory, Defence Medical & Environmental Research Institute, DSO National Laboratories/ Yong Loo Lin School of Medicine, National University of Singapore.

In the afternoon, the discussion continued with AOSHRI MOU and Plans Forward chaired by Dr Champika Amarasinghe, Secretariat, AOSHRI which also as Director General, National Institute of Occupational Safety and Health, Sri Lanka. Delegates agreed with the draft presented with minor correction. The next host for AOSHRI meeting at 2018 will be Institute of Labor, Occupational Safety and Health, Ministry of Labor, Taiwan. Malaysia also was asked by NIOSH Sri lanka to sign the MoU with NIOSH Malaysia. Our counterpart from Sri Lanka is interested to send their senior officers to attach with NIOSH Malaysia in learning on how to enhance the training, consultancy, research and information dissemination program. The program is planned on this coming November 2017.



***Figure 2:*** *AOSHRI Progress Meeting 2017 at WSH Council Singapore*

*Note: This article was written by Hj Mohd Esa as one of the delegates to the XXI World Congress on Safety & Health at Work 2017 and AOSHRI Progress Meeting 2017.*

